

Bomba Kelantan beku cuti tahun

BH 5/11/07

Pantai Timur, Utara siap sedia hadapi banjir

KUALA LUMPUR: Semua negeri di Utara dan Pantai Timur Semenanjung sudah membuat persiapan menghadapi kemungkinan banjir dengan mengenal pasti bangunan untuk dijadikan pusat penempatan mangsa dan mengurangkan bantuan makanan serta keperluan.

Cuti untuk pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan pula dibekukan bagi menghadapi kemungkinan banjir.

Kelmarin, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca dalam kenyataannya berkata, negeri di Utara dan Pantai Timur dijangka dilanda banjir berikutan hujan lebat berserta ribut petir diramal berlarutan selama tiga hingga empat hari di sekitar kawasan itu.

Hujan dijangka lebih menyeluruh dan lebat hari ini di Kelantan, Terengganu dan utara Pahang sehingga Isnin ini, manakala Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak dijangka bermula esok.

Di **ALOR STAR**, jurucakap Bahagian Keselamatan Negara (BKN) Kedah berkata, pelbagai agensi diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga manakala bilik gerakan akan dibuka mendapati hujan luar biasa.

Di **IPOH**, Pengarah BKN Perak,

Md Nor Abu Bakar, berkata Jawatankuasa Bencana Alam Daerah khususnya di utara Perak sudah mengenal pasti pusat pemindahan banjir.

Di **KUALA TERENGGANU**, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari dan Kebajikan negeri, Datuk Rosol Wahid, berkata kerajaan negeri menyediakan lebih 300 pusat pemindahan banjir.

"Walaupun Terengganu tidak mengalami banjir teruk tahun lalu, persediaan menghadapinya tetap diteruskan," katanya.

Beliau berkata, semua persediaan menghadapi banjir berjalan lancar

termasuk kerja mendalamkan longkang dan saluran oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Di **KOTA BHARU**, bilik gerakan banjir masih beroperasi 24 jam sejak dibuka bulan lalu.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Kelantan, Yahaya Madis, berkata pihaknya turut membekukan semua cuti 500 pegawai dan anggotanya di seluruh negeri bagi persiapan bah.

"Dari segi persediaan fizikal pula, kami mempunyai 21 bot penyelamat, enam jet ski, 36 kenderaan pacuan empat roda, tujuh lori lima tan untuk tujuan mengangkat barang dan 450 jaket keselamatan bagi menyelamatkan mangsa banjir," katanya.

Pengarah JPS Kelantan, Lim Chow Hock, pula menasihati orang ramai mengelak kegiatan di pantai berikutan keadaan ombak tinggi dan berbahaya ketika musim tengkujuh ini.

Di **PERLIS**, Pengarah JPS negeri, Hanapi Mohamed Noor, berkata pihaknya mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi banjir.

Di **GEORGETOWN**, 99 pusat pemindahan mampu menempatkan 23,300 orang disediakan di Pulau Pinang selain 115 kenderaan, termasuk kegunaan air, darat serta udara serta persiapan bekalan makanan.

FAKTA NOMBOR

Persiapan banjir di Kelantan

500

Pegawai dan bomba

450

Jaket keselamatan